SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

BIL.12/2026

E-BULETIN KOPERASI

SINOPSIS

PENGERUSI SKM TERAJUI INISIATIF CSR PERKASA KOMUNITI ORANG ASLI DAN KARIAH MASJID DI GERIK

PEMERKASAAN KOMUNITI ORANG ASLI MELALUI PENYERAHAN BOT DAN BANTUAN MAKANAN



PRINSIP KOPERASI KE-7

PRIHATIN

TERHADAP MASYARAKAT

DITERBITKAN OLEH: BAHAGIAN PROMOSI & PENGGALAKAN KOPERASI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

PENGERUSI SKM TERAJUI INISIATIF CSR PERKASA KOMUNITI ORANG ASLI DAN KARIAH MASJID DI GERIK

📅 **18 – 19 September 2026** 📍 **Gerik, Perak**

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) terus menzahirkan komitmen terhadap kesejahteraan masyarakat menerusi pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan di Gerik, Perak. Program yang dipimpin oleh YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B), Pengerusi SKM ini mencerminkan penghayatan Prinsip Koperasi Ke-7: Prihatin Terhadap Masyarakat melalui santunan kebajikan, pembangunan komuniti dan pengukuhan jaringan silaturahim.





















Santunan CSR Bersama Kariah Masjid Nurussalam

Pada 18 September 2026, SKM telah mengadakan Program Santunan CSR dan Tahlil Kesyukuran bersama Koperasi Kariah Masjid Nurussalam Gerik Berhad di Masjid Nurussalam, Batu 4 Gerik.



Program dimulakan dengan solat Maghrib berjemaah, diikuti bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat bersama kariah masjid. Pengisian kerohanian ini menjadi wadah memperkukuh ukhuwah serta mengeratkan hubungan antara kepimpinan SKM, gerakan koperasi dan masyarakat setempat.



Sebagai tanda keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan, YBhg. Pengerusi SKM turut menyampaikan 10 bakul makanan kepada asnaf kariah Masjid Nurussalam. Sumbangan tersebut diharap dapat membantu meringankan beban penerima di samping menyemarakkan budaya saling membantu dalam komuniti.







Pada 19 September 2026, SKM meneruskan lagi agenda tanggungjawab sosial menerusi Program CSR Pemerkasaan Komuniti Orang Asli melalui Penyerahan Bot kepada Koperasi Orang Asli Kampung Sungai Tiang Gerik Berhad, yang diadakan bersempena Program Aspirasi Sosio Ekonomi Koperasi Orang Asli (PASTI Asli) Negeri Perak Siri 2 Tahun 2026.



PEMERKASAAN KOMUNITI ORANG ASLI MELALUI PENYERAHAN BOT DAN BANTUAN MAKANAN

Dalam program tersebut, YBhg. Pengerusi SKM telah menyumbangkan dua (2) buah bot beserta enjin kepada Koperasi Orang Asli Kampung Sungai Tiang Gerik Berhad bagi menyokong keperluan mobiliti komuniti serta memperkukuh operasi koperasi yang banyak bergantung kepada laluan air sebagai akses utama







Pada masa yang sama, YB Dato' Salbiah binti Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak, turut menyampaikan 175 bakul makanan kepada komuniti Orang Asli Kampung Sungai Tiang sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan dan kesejahteraan masyarakat setempat.



Sumbangan yang disalurkan bukan sahaja membantu memenuhi keperluan komuniti, malah menjadi simbol kebersamaan antara kerajaan, gerakan koperasi dan masyarakat dalam memastikan pembangunan yang inklusif dan mampan.






Program
CSR PEMERKASAAN
MELALUI PENYERAHAN
ORANG ASLI KAMPUNG SU
KEPADA KOPERASI
AI TIANG GERIK BERHAD



















